

Rawatan kaki elak tekanan

Kaedah urutan refleksologi bantu setiap organ dalam tubuh berfungsi dengan baik

>>Oleh **Yooga Rani Murugiah**
yooga@hmetro.com.my

RAMAI antara kita mengambili berat soal kecantikan muka, kulit, rambut dan tubuh badan, tetapi kerap melupakan bahagian kaki yang juga memerlukan penjagaan baik. Kaki yang menjadi organ pengimbangan badan turut berfungsi penting untuk menentukan kesempurnaan kesihatan seseorang.

Di negara ini, kaedah urutan refleksologi atau terapan tapak kaki yang diajarkan ahli perubatan tradisional Cina ternyata menjadi pilihan seharian besar masyarakat untuk mendapatkan kaki dan tubuh badan sihat.

Rawatan refleksologi yang diperibadikan bermula sejak 5,000 tahun lalu, membantu melegakan penyakit dan ketidakseimbangan seperti melancarkan pengaliran darah, menghilangkan sakit otot badan serta melegakan tekanan.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Golden Horses

Health Sanctuary, Ng Lee Lian, berkata kaedah rawatan semula jadi tanpa ubat ini dilakukan bagi merangsang saraf pada keseluruhan tapak kaki selain memastikan setiap organ dalam tubuh berfungsi dengan baik.

Keistimewaan rawatan ini antara lain membantu pakar perubatan tradisional mengesan penyakit seperti darah tinggi, kencing manis, usus, buah pinggang, lengun badan, asma, migren dan sukutidur.

Menggunakan peralatan khas diperbuat daripada kayu berbentuk buai dan empat segi, pakar urut tempatan dan pakar didatangkan khas dari China dikenali tuinalogist, akan menentukan titik refleks pada tapak kaki serta memulihkan urat saraf bemasalah.

"Pelanggan perlu merendahkan kaki terlebih dulu ke dalam bekas air mengandungi herba selama 20 minit. Ia bertujuan mengeluarkan segala kotoran, toksik serta merangsang urat saraf di kaki sebelum urutan dijalankan.

"Urutan dimulai dengan memicit ibu jari dan hujung kaki hingga ke pangkal kaki bagi mengurangkan tekanan serta meningkatkan kesaktifan. Setiap titik refleks mewakili setiap organ dalam iaitu kardiovaskular, pencemaran, pengaliran darah, paru-paru dan otot," katanya.

Menurut Ng, sebelum mendapatkan rawatan refleksologi, pelanggan boleh mendapatkan khidmat perundingan daripada pengamal perubatan Cina, Dr Jia Huiheng yang berkebolehan mengetahui keadaan kesihatan seseorang dengan hanya membaca nadi tangan.

Selapas mengetahui sama ada semua organ dalam tubuh berfungsi dengan baik atau sebaliknya, pelanggan boleh mendapatkan rawatan urutan atau terapi lain yang bersesuaian.

Rawatan refleksologi di Palace Beach & Spa, Seri Kempangan, Selangor itu yang menyediakan kemudahan rawatan selesai, turut menarik kunjungan ramai pelanggan beragama Islam.



FOTO | Yooga Rani Murugiah

SELESA ...pelanggan mendapatkan rawatan refleksologi dalam suasana selesa.